



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

PELANTIKAN SETIAUSAHA NUPW CAWANGAN SELANGOR SEBAGAI AHLI TETAP MAJLIS PENASIHAT BURUH KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 29 Mei 2025 –YB Menteri Encik Steven Sim Chee Keong bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW) di Petaling Jaya.

Lawatan ini merupakan kunjungan kerja ke-28 YB Menteri dalam menyantuni kesatuan sekerja dalam tempoh 17 bulan menerajui KESUMA. YB Menteri menegaskan bahawa pendekatan turun padang untuk bertemu secara langsung dengan pemimpin dan ahli kesatuan amat penting bagi memastikan suara pekerja didengari, dan cabaran di peringkat akar umbi dapat difahami serta ditangani dengan lebih berkesan.

Dalam sesi dialog bersama NUPW, **YB Menteri turut mengumumkan pelantikan Thamasegaran a/l Viathainathan sebagai Ahli Tetap Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (MPBK) bagi tempoh 1 Mei 2025 hingga 30 April 2027.** Thamasegaran merupakan tokoh berpengalaman yang telah berkhidmat sebagai Setiausaha NUPW Cawangan Selangor sejak tahun 1980 serta aktif dalam perundingan Perjanjian Kolektif (CA) dan latihan kepimpinan kesatuan.

YB Menteri menegaskan komitmen kementerian untuk terus menjadikan suara pekerja sebagai keutamaan dalam pembangunan dasar negara. Selaras dengan komitmen ini, beliau turut menyatakan bahawa inisiatif Kad Pekerja Madani yang diperkenalkan oleh KESUMA merupakan salah satu langkah untuk memberi manfaat kepada ahli kesatuan serta menggalakkan lebih ramai pekerja menyertai atau menubuhkan kesatuan sekerja.

“Sumbangan pekerja kepada negara ini bukan bermula selepas merdeka, tetapi jauh lebih awal. NUPW yang ditubuhkan pada tahun 1945 adalah bukti hidup bahawa pekerja telah lama berjuang dan berkorban demi membina negara.”

“Tanpa pekerja, tiada ekonomi, tiada pembangunan negara. Sebab itu KESUMA dan menterinya mesti kekal aktif, lantang dan sentiasa hadir bersama golongan pekerja,” katanya.

Pada masa yang sama, YB Menteri menekankan bahawa Perjanjian Kolektif (CA) bertulis yang dicapai antara majikan dan kesatuan sekerja merupakan instrumen penting dalam melindungi hak pekerja. Beliau menegaskan bahawa CA tidak seharusnya berpandukan kadar gaji minimum semata-mata, sebaliknya perlu menetapkan gaji permulaan yang lebih tinggi.

“Gaji minimum itu ditetapkan kerajaan untuk pekerja yang tidak mempunyai CA. Kalau ada CA, gaji permulaan mesti lebih tinggi daripada gaji minimum, ini pesanan saya kepada semua majikan dan pimpinan kesatuan,” kata YB Menteri.

Dato’ G. Sankaran, Setiausaha Agung NUPW, memaklumkan bahawa jumlah Geran Program Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (PHEKS) yang diterima oleh NUPW menunjukkan peningkatan ketara daripada RM54,600 pada tahun 2024 kepada RM132,770 pada tahun 2025, iaitu peningkatan sebanyak 143%. Beliau juga menyambut baik kenaikan keseluruhan peruntukan PHEKS oleh KESUMA daripada RM5.8 juta kepada RM10 juta tahun ini.

“Dengan pertambahan geran ini, NUPW dapat melaksanakan lebih banyak program pembangunan ahli, latihan kemahiran serta inisiatif yang memberi impak langsung kepada para pekerja ladang. Ini mencerminkan komitmen berterusan KESUMA dalam memperkasakan gerakan kesatuan melalui sokongan kewangan bagi pelaksanaan program latihan, pembangunan keahlian dan aktiviti advokasi,” kata beliau.

KESUMA akan terus bekerjasama rapat dengan semua kesatuan sekerja di seluruh negara dalam usaha memperkukuh ekosistem pekerjaan yang adil, progresif dan inklusif.

Turut hadir dalam lawatan ini ialah:

1. Asri Abdul Wahab, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia (JHEKS);
2. Betty Hasan, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM);
3. Khalid Jali, Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM);
4. Azzal Abu Talib, Pengarah JHEKS Selangor & Wilayah Persekutuan;
5. Baharuddin Mamat, Pengarah JPPM Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;
6. Mohd. Syazwan bin Zahari, Penolong Kanan Pengarah (Perancangan);
7. Habsah Md Ishak, Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) WP and Putrajaya;
8. Azirruan Arifin, Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

29 MEI 2025

LAMPIRAN

LATAR BELAKANG KESUMA

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	